



28 November 2019  
28 November 2019  
P.U. (B) 612

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

ARAHAN KHAS MENTERI

*SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

(a) prosiding jenayah yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing, iaitu suatu kesalahan di bawah—

(i) artikel 1 Undang-Undang berkenaan dengan Penalti Lebih Berat bagi Penerimaan Sogokan, Penggelapan dan Fraud Republik Islam Iran;

(ii) artikel 2, 3 dan 9 Undang-Undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram Republik Islam Iran; dan

(iii) artikel 130, 523, 532, 533, 535, 536, 542, 673 dan 674 Kanun Keseksaan Islam Republik Islam Iran,

telah dimulakan di Republik Islam Iran, suatu Negara asing;

(b) Pejabat Kehakiman Republik Islam Iran telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*];

(c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan Republik Islam Iran; dan

(d) Peguam Negara telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Republik Islam Iran berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Datuk Liew Vui Keong, Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab

bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Republik Islam Iran tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 13 November 2019  
[PN(R)152/185/29/10-18; PN(PU2)628/XI]

DATUK LIEW VUI KEONG  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

(a) criminal proceedings relating to a criminal matter involving foreign serious offences, that are offences under—

(i) article 1 of the Law Concerning Increase of Penalties for Receiving Bribes, Embezzlement and Fraud of the Islamic Republic of Iran;

(ii) articles 2, 3 and 9 of the Anti-Money Laundering Law of the Islamic Republic of Iran; and

(iii) articles 130, 523, 532, 533, 535, 536, 542, 673 and 674 of the Islamic Penal Code of the Islamic Republic of Iran,

have commenced in the Islamic Republic of Iran, a foreign State;

(b) the Office of the Judiciary of the Islamic Republic of Iran has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*];

(c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to the Islamic Republic of Iran; and

(d) the Attorney General has recommended that mutual assistance be given to the Islamic Republic of Iran in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Datuk Liew Vui Keong, the Minister

charged with the responsibility for legal affairs in Malaysia, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of the Islamic Republic of Iran an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 13 November 2019

[PN(R)152/185/29/10-18; PN(PU2)628/XI]

DATUK LIEW VUI KEONG  
*Minister in the Prime Minister's Department*